

21 MAR 1996

SEBANYAK 500 BAS BAWA ORANG RAMAI KE KILANG PROTON TANJUNG MALIM

IPOH, 21 Mac (Bernama) -- Sebanyak 500 buah bas akan diguna untuk membawa jemputan dari seluruh Perak ke upacara pecah tanah kilang kedua Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) di Behrang Ulu, Tanjung Malim Sabtu ini.

Jurucakap Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkata bas-bas itu milik syarikat-syarikat pengangkutan yang beroperasi di sekitar bandar ini.

"ini bermakna bas-bas yang biasanya beroperasi bagi perjalanan pergi-balik dari bandar raya ini ke Gopeng, Simpang Pulai dan Kampar akan berkurangan pada hari itu," katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai yang biasanya menggunakan bas ke tempat kerja supaya mencari alternatif seperti menggunakan teksi pada hari berkenaan.

"Bagi destinasi berkenaan jumlah bas kurang daripada biasa iaitu kira-kira dua atau tiga jam sekali," katanya.

Dianggarkan lebih 25,000 orang akan menghadiri upacara yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

PBA MAI